

2015

16

# BAYARAN BALIK EFT



## ELECTRONIC FUND TRANSFER (EFT)

- EFT adalah satu kemudahan perbankan untuk memindahkan dana (wang) dari akaun pembayar terus kepada akaun penerima melalui arahan elektronik
- LHDNM akan membuat bayaran balik lebih cukai atau lebih duti setem melalui EFT kepada semua pembayar cukai yang layak

## KENAPA WUJUD BAYARAN BALIK?

- Bayaran balik wujud disebabkan oleh situasi berikut :
  1. Pembayar cukai telah membuat bayaran cukai melebihi tanggungan cukai yang kena dibayar pada sesuatu tahun taksiran yang berkenaan
  2. Lebihan bayaran Duti Setem akibat pengurangan atau pengecualian atau pembatalan duti

## TINDAKAN PEMBAYAR CUKAI

- Laporkan pendapatan dengan tepat dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan melalui kemudahan **e-Filing** pada tempoh yang ditetapkan
- Pastikan maklumat nama, nombor pengenalan diri, akaun bank, alamat e-mel dan alamat rumah adalah diisi dengan betul di dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan
- Bagi bayaran balik Duti Setem, isi nama, nombor akaun bank dan nombor pengenalan diri yang betul di dalam Sistem STAMPS (oleh ejen)
- Pastikan nombor akaun bank yang dilaporkan adalah :
  - Bagi Individu : Nombor akaun bank yang aktif (bukan akaun khas gaji, akaun bersama atau akaun yang telah ditutup)
  - Bagi Syarikat : Nombor akaun rasmi bagi syarikat

## BAGAIMANA BAYARAN BALIK MELALUI EFT DIMAKLUMKAN?

- Semua bayaran balik yang telah dibuat melalui EFT akan dimaklumkan melalui emel. Jika tiada alamat emel, pemakluman akan dibuat melalui surat
- Jika bayaran balik melalui arahan EFT gagal dikreditkan dalam akaun bank pembayar cukai, makluman pembatalan bayaran balik akan dimaklumkan melalui e-mel / surat

## KELEBIHAN EFT

- Cepat kerana bayaran balik dikreditkan terus ke dalam akaun bank pembayar cukai
- Selamat kerana nombor akaun bank dan nombor pengenalan diri pembayar cukai (2 kunci pengesahan) telah disemak sebelum bayaran dikreditkan oleh pihak bank
- Tidak berlaku kehilangan cek atau terlupa mendeposit cek ke bank

## SENARAI NOMBOR PENGENALAN DIRI

- Nombor Kad Pengenalan Baharu
- Nombor Tentera / Nombor Polis
- Nombor Pendaftaran Syarikat
- Nombor Pasport

## BANK YANG TERLIBAT DENGAN EFT

- Bank-bank perdagangan yang ditubuhkan di Malaysia dan menjadi ahli **MyClear IBG**

BAYARAN BALIK EFT

## PENTING

### PASTIKAN :

- 1- Nombor akaun bank dan nombor pengenalan diri yang dilaporkan adalah betul dan sama dengan maklumat di bank pembayar cukai
- 2- Alamat e-mel adalah betul
- 3- Akaun bank yang dilaporkan adalah akaun individu (pembayaran melalui akaun bersama tidak dibenarkan bagi kes bayaran balik kecuali duti setem)